Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

PENDAFTAR
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
PALACE OF JUSTICE
ARAS 3, PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

HIGH COURT OF MALAYA

Telefon: 03-8880 3782
Faks : 03-8880 3886

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: PMT/UU/4/3

Tarikh : 22 Julai 2005

Semua Hakim
Mahkamah Sesyen Semenanjung

Semua Majistret
Mahkamah Majistret Semenanjung

RECEIVED
28 JUL 2005

Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR BIL 2/2005
Pengendalian Kes-Kes Saman dan Waran Tangkap
Di Mahkamah Rendah

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan Pekeliling Pendaftar Bil 1/2000 bertarikh 4 September 2000.

2. Dimaklumkan bahawa Y.A.A. Ketua Hakim Negara telah mengambil maklum akan masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan waran tangkap oleh pihak-pihak yang berkaitan.

3. Sehubungan dengan itu Y.A.A. Ketua Hakim Negara telah mengarahkan seperti berikut:-

i. Hakim atau Majistret hendaklah memastikan supaya semua kes-kes saman yang baru hendaklah difailkan sekurang-kurangnya 2 (dua) hari sebelum tarikh sebutan pertama. Jika melibatkan jumlah yang banyak, maka pendaftaran kes-kes tersebut hendaklah dibuat beberapa hari sebelum tarikh sebutan mengikut yang bersesuaian.

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete

ii. Hakim atau Majistret hendaklah memastikan bahawa hanya hari-hari tertentu dan tidak setiap hari ditetapkan untuk tujuan sebutan kes-kes saman (kecuali mahkamah yang khusus mengendalikan kes-kes saman).

iii. Bagi kes-kes saman yang tidak dapat dilupuskan pada hari sebutan pertama atas alasan Orang Kena Saman (OKS) itu tidak hadir, maka atas permohonan Pegawai Pendakwa satu waran tangkap hendaklah dikeluarkan ke atas OKS itu oleh Hakim atau Majistret mahkamah yang berkenaan. Satu tarikh sebutan yang akan datang hendaklah ditetapkan dalam jangka masa dua bulan untuk kes itu disebut semula bagi kali kedua.

iv. Jika pada tarikh sebutan yang kedua itu waran tangkap masih gagal diserahkan atau OKS masih gagal menghadirkan diri, maka tarikh sebutan ketiga hendaklah ditetapkan dalam jangka masa dua bulan selepas tarikh sebutan kedua. Seterusnya pada tarikh sebutan yang keempat jika waran tangkap atau OKS masih gagal menghadirkan diri maka saman yang berkenaan itu hendaklah dibatalkan dan OKS dilepaskan tanpa dibebaskan.

v. Jangka masa dari tarikh sebutan yang pertama sehinggalah ke tarikh saman itu dibatalkan hendaklah tidak melebihi enam (6) bulan kesemuanya.

vi. Hakim atau Majistret hendaklah memastikan setiap waran tangkap yang telah siap ditandatangani dikembalikan kepada Pegawai Pendakwa sehari selepas hari Sebutan itu untuk ia dilaksanakan.

vii. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini maka Pekeliling Pendaftar Bil1/2000 adalah dibatalkan.

4. Untuk tujuan penyelarasan berkaitan dengan pendaftaran kes-kes saman yang baru terutamanya kes-kes trafik, Hakim atau Majistret hendaklah dari masa ke semasa berbincang dengan ketua bahagian pihak berkuasa yang berkenaan bagi menyelaraskan pendaftaran kes-kes yang melibatkan jumlah yang banyak untuk memberi masa yang sewajarnya kepada mahkamah untuk mengendalikan proses pendaftaran kes-kes tersebut.

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

5. Arahan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

[TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT]
Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
(Menjalankan Tugas-tugas Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia)
Putrajaya

s.k:

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Palace of Justice
Putrajaya

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Tinggi Malaya
Palace of Justice
Putrajaya

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi Sesyen & Majistret
Jalan Gersik
Petrajaya
93050 Kuching
Sarawak

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Palace Of Justice
Putrajaya

Click Here & Upgrade
Expanded Features
Unlimited Pages
PDF Complete Documents

Ketua Bahagian Pendakwaan
Jabatan Peguam Negara, Malaysia
Aras 1-8, Blok C3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62512 Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi Sesyen & Majistret
Jalan Gersik
Petrajaya
93050 Kuching
Sarawak

Pustakawan
Perpustakaan Mahkamah Persekutuan Malaysia
Palace Of Justice
Putrajaya

Pengerusi
Majlis Peguam Malaysia
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur
Peti Surat 12478
50780 Kuala Lumpur